

Headline Skilled ICT developed nation (Mahir FC negara maju)
Date 05. Sep 2007
Media Title Harian Metro
Section Variasi
Circulation 172903
Readership 605160

Language MALAY
Page No 2
Article Size 1681 cm²
Frequency Daily
Color Full Color



Mahir ICT negara maju

Segmen teknologi maklumat dan komunikasi antara pemangkin menjadikan negara ini terus maju bersama masyarakatnya yang hidup aman, tenteram



>>Oleh Husain Jahit
husain@hmetro.com.my

SIAPAKAH yang untung jika negara kita maju dan setanding dengan negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun atau negara Eropah?

Sudah tentu masyarakat kita sendiri yang untung dengan pelbagai peluang pekerjaan, prasarana kehidupan, pembiaran yang cemerlang, persekitaran kehidupan yang damai dan sebagainya.

Namun, untuk berdiri sama tinggi dengan negara maju atau hidup mewah bukanlah sesuatu yang mudah dicapai,

sedangkan usaha keras perlu dilakukan demi menjamin masa depan yang gemilang itu.

Mungkin bukan untuk kita, tapi untuk generasi akan datang.

Kemajuan Amerika Syarikat dan Jepun bukan sekadar berpuncu daripada sumber asli negara itu sajanya, malah ia banyak dibantu kemajuan sains, teknologi, maklumat dan komunikasi.

Justeru, untuk berjalan seiring dengan mereka sambil mencapai nikmat sebagai sebuah negara maju, pelbagai usaha perlu diigkat bagi memastikan hasilrat itu tercapai.

Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah mewartakan puncak gemilang negara untuk mencapai status negara maju ialah menjelang 2020 menerusi

Wawasan 2020.

Selain menarik lebih banyak pelaburan luar untuk merancakkan lagi pelbagai jenis industri di negara ini, kerajaan juga terus menggalakkan industri tempatan termasuk pertanian, pembuatan, sumber asli dan banyak lagi.

Dalam kerancakan itu, tidak dilupakan segmen teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah antara pemangkin jika ingin melihat negara ini terus maju bersama masyarakatnya yang hidup aman dan tenteram.

Pelbagai inisiatif ICT sudah dan akan diambil ke arah itu dan baru-baru ini juga, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa seluruh rakyat negara ini menguasai ICT jika tidak mahu berlaku fenomena kemiskinan digital.

Gesaan itu dibuat ketika beliau membuka mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di Cyberjaya, baru-baru ini.

Mesyuarat tertutup itu antara lain bertujuan mengkaji semula kemajuan sektor ICT tempatan serta membincangkan cadangan strategik yang boleh diambil bagi melonjak keupayaan negara dalam persekitaran global yang diterajui teknologi.

NITC ialah badan bertindak yang ditubuhkan pada 1994 oleh kerajaan untuk mempromosikan pertumbuhan pembangunan ICT dan aplikasi menerusi rancangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta strategi menggunakan teknologi.

Badan itu juga memastikan penyepaduan yang lancar setiap teknologi baru ke dalam



PEMUDAH...setiap industri yang ada di negara ini dipermudah dengan penggunaan ICT, sama ada penggunaan perkakasan, perisian atau gabungan kedua-duanya.



Headline

Skilled ICT developed nation (Mahir FC negara maju)

Date

05. Sep 2007

Media Title

Harian Metro

pembangunan sosio-ekonomi negara, selain mengenal pasti kesannya dan memperjelas atau mempromosi potensi keseburuhannya kepada masyarakat.

Sejak itu juga, negara dilanda gelombang ICT dari setiap sudut dan kerajaan memastikan semua orang dapat merasai manfaatnya tidak mengira usia dan di mana saja mereka berada.

Namun begitu, fenomena kemiskinan digital atau jurang digital sebagai alasan diperlakukan Perdana Menteri masih berlaku.

Jurang digital merujuk kepada perbezaan di antara masyarakat yang celik atau pandai ICT dengan mereka yang dikatakan buta atau tidak mengenal dan tidak pernah menggunakan langsung ICT dalam kehidupan.

Malahan ada juga antara mereka ini yang tidak pernah merasakan manfaat daripada ICT.

Walaupun begitu, penulis berpendapat paling tidak seluruh masyarakat Malaysia sebenarnya sudah rasai tempias manfaat penggunaan ICT kerana ketika ini kita melihat hampir di mana saja ada unsur penggunaan ICT.

Bezanya adalah antara pengguna secara langsung dengan penerima manfaat daripada penggunaan orang lain. Contohnya jika kita menggunakan khidmat berkaitan kerajaan, perbankan, telekomunikasi dan sebagainya.

Boleh dikatakan hampir semua agensi kerajaan mahupun swasta kini menggunakan sistem perkomputeran dalam urusan harian mereka. Pengurusan menjadi lebih cekap, pantas dan kesilapan manusia dapat dikurangkan.

Statistik terbaru menunjukkan lebih 80 peratus masyarakat negara ini memiliki telefon bimbit dan telekomunikasi satu daripada unsur utama dalam ICT.

Tapi, ia mungkin dari satu aspek perhubungan saja dan tidak meliputi sehingga capaian maklumat secara menyeluruh.

Jualan telefon berkamera juga dikatakan sudah lama melepas jualan kamera digital. Itu bermakna pemilikan sudah mendapat manfaat dalam segmen fotografi digital yang sudah pasti lebih tahan lama dan kos efektif.

Pemilik telefon bimbit berkamera bukan sekadar mampu berkommunikasi tapi boleh juga bertukar-tukar gambar untuk dikongsikan setiap ketikaan di antara mereka.

Mereka boleh menggunakan standard perhubungan khidmat pesanan multimedia (MMS), bluetooth atau Infra Merah.

Untuk mengelakkan sebarang masyarakat di Malaysia mendapat manfaat daripada ICT, kerajaan mewujudkan serta memperkenalkan pelbagai inisiatif.

Kerajaan juga menyarankan rakyat terus menjadi pencipta dan bukan sekadar pengguna.

Beberapa agensi kerajaan diwujudkan untuk memastikan pembangunan ICT negara yang berterusan.

Turut dibincangkan pada mesyuarat NITC lalu ialah beberapa agensi yang diperlukan jawabkan termasuk Multimedia Development Corporation (MDeC), Mimos Berhad (Mimos), Cybersecurity dan pengurusan Minggu Teknologi Maklumat Sedunia 2008 (WiW) yang dijadualkan pada

NITC ialah badan bertindak yang ditubuhkan pada 1994 oleh kerajaan untuk mempromosikan pertumbuhan pembangunan ICT dan aplikasi menerusi rancangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta strategi menggunakan teknologi.

17 Mei tahun depan.

WIW termasuk Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Tahunan MSC Malaysia (IAP), Kongres ICT Sedunia 2008 (WCIT), Pakatan Global ICT dan Forum Pembangunan serta Mesyuarat Menteri-Menteri ICT Asean.

Antara lain, mesyuarat NITC yang lalu mahukan konsep dan pelaburan dalam bidang ICT dalam sistem pembelajaran di sekolah di seluruh negara diperingkatkan seperti yang dilaksanakan menerusi projek sekolah bestari.

Apabila ICT bermula di sekolah, minat itu dapat dipupuk sejak awal dan generasi itu jugalah yang akan menentukan hala tuju negara pada masa depan.

Beberapa keputusan lain yang sama pentingnya turut diambil termasuk berhubung isu jenayah siber bagi memperkuatkan sektor ICT tempatan.

Pendekatan itu mestilah diambil kerana dalam kegairahan kita menggunakan ICT untuk maju, ada juga antara mereka yang

mengambil kesempatan melakukan jenayah menggunakan ICT juga.

Ia dikenali sebagai penjenayah siber yang tidak menggunakan kekerasan tapi menggantikan keuntungan dengan cara yang lebik licik.

Sehubungan itu, NITC mengambil keputusan untuk menjenamakan semula Pusat Tindak balas Kecemasan dan Keselamatan ICT Negara (NISER) kepada Cybersecurity Malaysia.

Sebenarnya penjenamaan semula itu dilaksanakan Mac lalu. Ia berobjektif dan berperanan untuk mencipta serta menggalakkan satu persekitaran online yang kondusif serta selamat.

Objektif itu dilaksanakan menerusi dua kaedah iaitu memawarkan rangkaian perkhidmatan khusus yang komprehensif untuk menangani isu ruang siber termasuk serangan virus, pencerobohan dan gangguan kesinambungan perniagaan.

Kedua, ia akan menjadi pusat sehenti yang dipercayai untuk dijadikan rujukan serta menyelesaikan pemasalahan berkaitan. Ia menyediakan maklumat tepat dan tidak berat sebelah, khidmat nasihat serta bantuan mengenai isu teknikal atau masalah ruang siber.

Pada masa sama, Mimos melancarkan KnowledgeGRID Malaysia dengan wawasan menyumbang ke arah meningkatkan daya saing ekonomi serta teknologi Malaysia menerusi perkongsian sumber perkomputeran berprestasi tinggi.

Semuanya akan dikongsikan secara selamat,boleh dipercayai dan cekap dengan mengenal pasti serta mengesahkan pengguna dari segmen



PEWARIS...generasi inilah yang akan menentukan hala tuju negara di masa depan. Pengetahuan ICT perlu dipupuk dari awal untuk memastikan tidak ada jurang digital di kalangan masyarakat.

berbeza termasuk pendidikan, perubatan, komersial, hiburan, penyelidikan dan pembangunan serta keselamatan negara.

Contohnya, pakar biologi boleh menggunakan peralatan intensif pengiraan dan aplikasi untuk menjalankan kajian termaju seperti DNA, penciptaan dadah di dalam pangkalan data kimia.

Perkomputeran Grid akan menyediakan capaian industri untuk mencipta dan menyediakan kemudahan simulasi daripada hanya sebuah pusat reka bentuk berkeupayaan tinggi, sekali gus mengurangkan kos pemilikan dan meningkatkan hubungan antara pengguna.

Untuk melaksanakannya, Mimos menjalin kerjasama dengan universiti tempatan, institusi penyelidikan antarabangsa, industri tempatan dan syarikat multinasional.

Dalam pada itu, langkah mengelakkan daya saing Malaysia dari bidang utama perkongsian perkhidmatan dan penyumbangan luar, animasi dan kandungan digital kreatif serta aplikasi perdana.

Kerajaan memperuntukkan RM200 juta untuk memba-

ngunkan Pusat Kandungan Kreatif Animasi Malaysia (MAC) di Cyberjaya yang dikatakan bakal menghasilkan pakar dan produk animasi bertaraf dunia.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis, daripada jumlah itu, RM150 juta akan digunakan bagi pembangunan prasarana manakala selebihnya akan digunakan untuk membangunkan kemudahan di beberapa rangkaiannya di negeri-negeri yang dikenali Pusat Animasi Negeri (SAC).

Pembinaan pusat itu akan menyamaraskan industri berkaitan yang dijangka dapat mewujudkan 13,000 peluang pekerjaan menjelang 2010.

Ia juga sebahagian daripada rancangan kerajaan untuk memanfaatkan ICT bagi memodenkan industri sedia ada serta sumber baru kekayaan dan menjana tenaga kerja mahir.

Kerajaan akan menarik lebih ramai anak muda kreatif untuk menceburi bidang animasi dengan mewujudkan dana di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berjumlah RM150 juta.



MAKLUMAT...capaian maklumat dari mana saja dan tidak mengira waktu amat penting untuk memastikan setiap tugas dilakukan dengan lancar, pantas dan berkesan.

